

# Pentafsiran Semula *Selfie* dalam Seni Arca Kontemporari

## *Re-Interpreting Selfie in Contemporary Sculpture*

**Aznan Omar**

Universiti Teknologi MARA, Perak  
aznano@yahoo.co.uk

**Mohd Fauzi Sedon @ M. Dom**

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak

### **Abstrak**

*Selfie* atau mengambil gambar diri sendiri (potret diri) menjadi fenomena yang telah menjangkiti hampir semua golongan remaja, dewasa malah kanak-kanak. *Selfie* telah menjadi wacana visual yang sangat kuat melibatkan komunikasi sosial masa kini. *Selfie* berkait secara langsung dengan identiti seseorang dalam dunia siber yang semakin popular dan membentuk budaya baru pada abad ini. Sudah tentu, mengambil gambar diri sendiri adalah sesuatu yang tidak bertepatan dengan konsep seni untuk seni, tetapi *selfie* merupakan satu subjek yang sangat menarik dan boleh menjadi seni baru untuk orang ramai. Penyelidikan ini bertujuan mengkaji karya-karya seni yang diilhamkan daripada budaya mengambil gambar diri sendiri atau *selfie* dengan cara menganalisa fenomena *selfie* menerusi penghasilan karya seni kontemporari. Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengembangkan budaya *selfie* merentasi media dalam konteks seni moden yang merupakan medium baru dalam bidang seni kontemporari. Penyelidikan ini menggunakan kaedah praktis studio melalui kajian yang melibatkan eksperimentasi, fabrikasi, modifikasi dan manipulasi bahan yang menjadi teras dalam proses penghasilan seni kontemporari. Hasil kajian ini mendapati *selfie* dalam konteks seni kontemporari menjelaskan interaksi manusia dalam budaya berkongsi dan menyiarkan gambar menerusi rangkaian media sosial yang berkaitan dengan peranti mudah alih merupakan tren semasa. *Selfie* adalah suatu ekspresi terhadap aspirasi, emosi dan obsesi yang menjelaskan gaya hidup digital masa kini.

**Kata kunci** *selfie*, seni kontemporari, gaya hidup digital

### **Absrtact**

*Selfie, or taking a self photo of oneself has become somewhat of a phenomenon in our society, regardless of age, gender and race. Selfie has become a very strong visual statement that involves nowadays' social communication activities. It is connected directly to a person's identity in the virtual world and becoming increasingly popular in creating a new culture for the century. For sure, snapping a picture of your own self is not actually in sync with the "art-for-arts-sake" concept. However, it has become a very interesting subject and can be a new art form for many. This research is aimed at looking-into and analyzing art works inspired by the selfie culture by way of analyzing the selfie phenomenon in the creation of contemporary art works. The research objective is to develop the selfie culture across variants of media through the context of modern art, and it becomes a new medium in contemporary art. The research uses the practice studio method through testings that include experimentation, fabrication, modification and manipulation of substance that has become a core factor in the creation of contemporary art works. From the findings of this research it is found out that selfie, in the context of contemporary arts, explains the interaction among humans in sharing and exhibiting pictures through social networks, and with the use of mobile devices nowadays, it has become a norm. It is an extension of life that explains expressions towards aspirations, emotions and obsessions that reflect the digital lifestyle.*

**Keywords** *selfie, contemporary arts, digital lifestyle*

### **Pengenalan**

Hasil dari inovasi ke atas teknologi telah melonjakkan teknologi digital menjadi semakin meluas dan amat diperlukan. Manusia yang kini hidup dalam dunia mobiliti dapat mengaplikasikan lebih banyak

peluang dan ruang untuk dihubungkan melalui jarak merentasi budaya dan komuniti yang sebelum ini agak mustahil dilakukan. Seiring dengan peredaran masa, fungsi teknologi mobil telah banyak mengubah cara manusia berhubung dan bertindak mempengaruhi bidang komunikasi, dokumentasi dan hiburan. Dengan kemunculan media sosial, *facebook*, *tweeter* dan *instagram*, banyak kegiatan yang dapat diabadikan melalui foto. Salah satunya ialah kegiatan 'selfie'. Selfie atau budaya mengambil gambar diri sendiri menggunakan kamera peranti mudah alih merupakan tren masa kini yang menjadi fenomena baru dalam dunia siber. Menurut Kraineva (June 2014) konsep mengambil gambar diri sendiri adalah mudah; mengambil gambar diri sendiri, berkongsi di rangkaian sosial, tunggu maklum balas dan ulangi respon [1]. Tetapi peranannya dalam pembentukan identiti di dalam ruang siber dan kehidupan sebenar adalah lebih kompleks.

Aliran seni juga tidak ketinggalan dalam memvisualkan kesenian dari sudut pembangunan teknologi sebagai sesuatu yang intelektual. Evolusi media digital dan alat komunikasi telah terbentuk dari beberapa eksperimen terdahulu dari aliran seni digital yang sentiasa mencari kemungkinan baru penggunaan medium digital. Integrasi teknologi digital ini berkembang membentuk medium baru dalam karya seni kontemporari. Media baru bukan sahaja menawarkan kemungkinan diperluaskan untuk seni tetapi menawarkan wawasan mengenai aplikasi estetik dan implikasi sosial dari sudut sains dan teknologi [2]. Kajian ini bertepatan dengan interaksi yang berlaku di antara manusia dengan mesin apabila amalan dan cara hidup digital disatukan melalui teknologi mobil.

## Fenomena Selfie

Pada tahun 2013, perkataan 'selfie' secara rasmi telah dimasukkan ke dalam Kamus English Oxford dan diumumkan sebagai *word of the year* [3]. Secara umumnya, selfie adalah satu bentuk dokumentasi yang melibatkan diri sendiri atas beberapa sebab dan matlamat, seperti hobi, perhatian atau kewujudan profil peribadi di ruang siber.

Selfie juga boleh dilakukan bersama orang lain secara berkumpulan. Perbuatan ini disebut 'usie'. Istilah ini dipetik dari *The Associated Press* yang membawa maksud melebihi perhubungan dan amat kurang tentang diri sendiri [4]. Syarikat pengeluar telefon dari jenama Samsung menggelarnya 'wefie' manakala pembuat telefon pintar Huawei telah memfailkan tanda dagangan untuk istilah "groufie," yang bermakna potret diri indah bersama rakan-rakan [5].

Mengikut pemerhatian terkini, 'selfie' masih lagi relevan, namun sudah tentunya akan muncul pula istilah lain yang bakal mencetus fenomena yang melibatkan trend berselfie seperti 'sellofies', 'duck face', "double selfie." dan berbagai lagi.

Mengambil gambar selfie melalui kamera peranti mudah alih dilihat sebagai satu fenomena yang kian popular di seluruh dunia terutama bagi mereka yang gemar mengambil gambar sendiri. Kebanyakan pengguna yang suka berselfie semestinya akan menjadi golongan utama yang kerap memuat naik gambar-gambar mereka di internet melalui aplikasi media sosial seperti facebook, twitter, wechat dan berbagai-bagai lagi. Melalui instagram pula diperkenalkan konsep baru dengan meletak tanda 'hashtag' dan menawarkan lebih banyak 'filter' untuk membenarkan pengguna mengedit gambar mengikut selera masing-masing. Ini bagi pengguna yang kurang merasa puas terhadap gambar selfie yang diambil secara *live*.

Keseronokan berselfie ini boleh berlaku dalam kalangan siapa saja tidak mengira usia tua atau muda. Potret diri atau dokumentasi imej juga tidak terlepas dari kehidupan peribadi golongan elit, kerabat diraja, ahli politik dan selebriti. Dunia pernah digemparkan dengan paparan foto, Presiden Obama, Perdana Menteri Britain, David Cameron, dan Perdana Menteri Denmark, Helle Thorning-Schmidt dilihat bergambar selfie bersama-sama di upacara memperingati mendiang Nelson Mandela [6]. Menurut pakar perunding psikologi, Dr. Pamela Rutledge terhadap isu ini menjelaskan kecenderungan mengambil gambar selfie merupakan satu perkara yang biasa walaupun dilakukan dalam keadaan yang sukar oleh orang-orang yang terkenal. Dalam situasi yang sama, Perdana Menteri Malaysia Najib Razak sempat berkongsi foto di Twitternya, tidak lama selepas Obama tiba di Malaysia, dengan teks; "My selfie with President Obama,"[7]. Gambar 1.



Gambar 1

Selfie sememangnya boleh menyerlahkan nilai atau boleh menghancurkan reputasi diri. Terdapat segelintir masyarakat obsesi yang berselfie tidak kena pada tempatnya. Pada masa kini, ada hobi yang sangat berbahaya yang mempengaruhi dunia remaja untuk tertarik membuat selfie hingga sanggup bergadai nyawa semata-mata mahu mendapatkan kepuasan merakam potret sendiri yang dianggap menakjubkan. Sebagai contoh, merakam aksi selfie ketika dikejar kerbau liar di Texas atau berselfie di puncak menara tinggi di Dubai. Gambar 2. Begitu juga di Kuala Lumpur, seorang gadis menunjukkan keberanian dengan merangkak dan duduk di atas tebing bangunan tinggi sambil berselfie menggunakan tripod. Perbuatannya semata-mata kerana ingin mendapatkan sudut terbaik ketika bergambar selfie. Perbuatan berani mati gadis ini, sanggup berselfie di atas sebuah bangunan menjadi viral dan mendapat perhatian ramai selepas gambarnya mula tersebar di laman sosial. Gambar 3.

Jika dilihat di negara barat kini terdapat satu aliran baharu iaitu ‘sellofie’ yang mana seseorang itu akan bersusah payah memasang pita pelekat lutsinar di seluruh wajah untuk kelihatan pelik dan hodoh [8]. Gambar ‘sellofie’ ini telah dimuat naik ke laman sosial sebagai tatapan umum dan menjadi iktutan ramai. Perbuatan ini semata-mata untuk dijadikan bahan ketawa dan nampak melucukan atau mungkin ia boleh dianggap satu bentuk kesenian yang ‘happening’.



Gambar 2



Gambar 3

Golongan ini yang mengikut arah aliran atau trend semasa hanya mementingkan keseronokan dan perhatian tanpa memikirkan keselamatan diri. Mereka mahu buktikan pada dunia yang mereka mampu berselfie walaupun perlu berhadapan dengan situasi ekstrem dan membahayakan nyawa sendiri.

### Garis Panduan Projek

Penyelidikan ini adalah untuk mengembangkan komunikasi selfie merentasi media dalam konteks seni dan merupakan medium baru dalam bidang seni kontemporari. Menerusi kajian ini juga, saya mengaplikasikan pendekatan selfie dalam pelantar teknologi mobil sebagai medium dalam penghasilan karya. Penyelidikan ini merungkai persoalan tema dan persoalan teknikal iaitu;

- (i) Bagaimanakah sikap masyarakat masa kini yang suka mengambil gambar sendiri mencetuskan fenomena selfie.
- (ii) Mampukah komunikasi selfie membentuk satu dokumentasi seni yang terancang?

Kajian dilakukan menerusi kaedah praktis studio melalui pendekatan seni kontemporari, manakala elemen selfie menjadi keutamaan sebagai subjek dalam penghasilan karya. Fabrikasi bentuk menjadi teras dalam proses pembinaan seni, yang mana bahan asas alat komunikasi mobil seperti aluminium (*alloy*) dimodifikasi melalui teknik pengarcean. Gabungan imajan selfie, dimanipulasikan mengikut tatacara seni. Sumber-sumber imajan digarap dari aplikasi digital seperti paparan skrin dari laman sesawang, aplikasi laman sosial, instagram dan fotografi. Pengutaraan idea digarap dari fenomena gaya hidup masyarakat digital yang suka berselfie dan budaya perkongsian maklumat sebagai suatu penafsiran dan persepsi baru serta pemahaman terhadap senario semasa. Penyelidikan dilakukan bagi mengstrukturkan satu bentuk karya seni kontemporari yang digayakan. Kajian ini juga akan merujuk kepada pendekatan “remix” yang ertinya membawa artifak budaya dan digabungkan serta dimanipulasi bentuk menerusi percampuran kreatif sehingga menjadi bentuk baru [9].

## Konteks Perkaitan Kajian

Budaya selfie memperlihatkan trend perkongsian gambar di internet menjadi begitu popular. Selfie merupakan cara seseorang merakam sebuah rakaman yang dirasakan penting dalam kehidupan peribadi yang kemudian diperlihatkan kepada orang lain [10]. Sebuah telefon pintar dengan kanta flip boleh mengambil dan menghantar imej percuma dan segera. Keinginan untuk mendokumentasikan kehidupan bukanlah perkara yang baru. Apa yang baru adalah sifat berubah-ubah di antara teks dan imej melalui teknologi baharu yang membolehkan dan mentakrifkan komunikasi secara luar biasa.

## Fenomena “Selfie”

Manusia hari ini mempunyai pandangan yang berbeza terhadap teknologi, komunikasi, perkongsian dan privasi. Bagi pengikut selfie (follower), Selfie adalah segera, nyata dan peribadi. Selfie menyeronokkan, satu penyertaan, satu permainan di dunia fana. Selfie menangkap detik dan merakam ketika. Selfie mencabar norma-norma sosial mengenai potret dan mempunyai banyak perkara-perkara yang menakjubkan. Selfie semakin dikenali sebagai ‘jurnal visual’ [11].

Menurut Rutledge (2013) Selfies membolehkan seseorang untuk mengalbumkan pengalaman untuk diri sendiri dengan perasaan yang peribadi tidak kira di mana mereka berada. Ternyata semua orang cenderung ke dalam penceritaan. Menurut Rutledge lagi, selfie mendokumentasikan detik yang meraikan proses kehidupan, membebaskan diri dari tradisi bergambar hanya di saat-saat bahagia [12]. Kecanggihan teknologi memberi kebebasan untuk membuat ‘dokumentasi segera’ detik-detik penting walaupun dalam sekejap. Mudahnya untuk merakam gambar sendiri, ertinya kita tidak perlu mengambil masa atau perlu mendapatkan bantuan seseorang sebagai juru kamera bagi merakam gambar peribadi.

Baumeister (1982) mencadangkan dua jenis motivasi yang membangkitkan seseorang untuk mewakili diri. Yang pertama berkaitan dengan bagaimana persembahan diri (individu) yang wataknya berlawanan yang sebenar dilakukan bagi memberi keutamaan dan tumpuan supaya menyenangkan hati orang lain. Satu lagi jenis motivasi adalah persembahan diri (individu) mengikut kehendak dan kesukaan hati sendiri. Tetapi berbeza dengan watak sebenar diri yang diwakili [13]. Selfie yang kelihatan baik menggalakkan sentimen tentang menghargai proses kehidupan, walaupun mereka melakukan dengan cara mereka sendiri tapi harus mengikut pertimbangan akal dan fikiran.

Obsesi manusia terhadap selfie telah mengubah landskap kehidupan hingga terbentuknya budaya sosial yang bersifat hybrid. Hari ini, ramai di antara kita menghabiskan sejumlah besar masa dengan duduk di depan komputer atau bersama gajet bagi menghantar mesej kepada rakan antara satu sama lain, tetapi realitinya kita berdepan dengan mesin dan bukannya bersemuka secara realiti [14]. Ada golongan manusia yang hidup bersama teknologi telah melebihi urusan sehariannya dengan melakukan aktiviti selfie. Tambahan pula akses kepada media sosial telah menjadi kompulsif, maka ia akan mengganggu aktiviti normal kehidupan harian. Lebih memburukkan lagi apabila orang itu tidak lagi mampu mengawalinya. Menurut Kraineva (2014), Orang yang mengambil gambar selfie boleh digolongkan kepada dua kategori [15].

- i. Berselfie secara kronik (*Chronic Abuser*) iaitu mengambil gambar selfie berkali-kali dalam sehari, sebahagian dari sindrom Narsisisme yang telah ditakrifkan sebagai "faedah penampilan fizikal seseorang secara berlebihan dan melampaui fitrah". Kecenderungan untuk mengambil gambar berulang kali secara melampau dengan hasrat untuk menonjolkan diri yang terbaik kepada orang lain dan menunjuk-nunjuk.
- ii. Berselfie poster sekali-sekala (*Occasional Poster*), kecenderungan hanya untuk mengambil gambar diri sendiri di suatu tempat atau majlis dengan tujuan merakam dirinya untuk kenangan. Pengalaman hebat itu dapat dikongsi bersama rakan-rakan untuk menunjukkan apa yang mereka lakukan pada waktu itu sebagai satu cerita yang terindah.

## Seni Kontemporari

Seni kontemporari, hasil daripada peralihan zaman *postsocialist* dan ia dikenal pasti sebagai salah satu ciri yang paling menonjol di era pasca moden. Maka seharusnya ia memiliki aspek perbezaan antara keduanya. Menurut Esanu (2012), sebenarnya istilah "seni kontemporari" memiliki banyak maksud,

bergantung kepada konteks dan konsep di mana ia digunakan, boleh merujuk kepada banyak perkara yang berbeza iaitu jenis pembuatan seni yang tertentu, daya estetik yang tertentu, seni yang berkaitan tempoh sejarah tertentu, cara dipersembahkan atau dipamerkan di jabatan tertentu dalam sebuah muzium seni atau galeri tertentu. Malah sesetengahnya tiada moral, rasa, dan harga karya yang lebih tinggi daripada pasaran seni [16]. Sebuah karya seni kontemporari boleh berlaku sebagai satu projek kesenian dan satu dokumentasi yang terancang.

Pada masa ini bidang seni kontemporari turut menerima tempas dari arus kepesatan teknologi yang menuntut perkembangan dan perubahan dari sudut penghasilan. Seniman sangat prihatin dengan persekitaran fizikal, kesan bahan perindustrian dan globalisasi, termasuk kesan daripada teknologi yang digunakan dalam amalan seharian mereka. Ia merupakan proses kritikal untuk memberi tumpuan kepada eksperimen terhadap seni yang mempersoalkan media teknologi meneliti implikasi sosial dan penyebaran maklumat estetik media teknologi menerusi budaya visual [17].

Menurut Shanken, kesinambungan antara seni dan teknologi lebih didorong oleh kemajuan dalam bidang elektronik, pengkomputeran dan telekomunikasi. Terutama setelah kedatangan medium internet yang telah membuka ruang untuk membolehkan seniman membuat penyelidikan keatas objek seni dan penerokaan dari sudut material hingga kepada konsep semiotik dengan cara yang terkini [18]. Menurut Shanken lagi, Seni dan teknologi telah diberi penumpuan ke atas kajian bahan berteknologi atau konsep teknologi dan sains, yang memberi pengiktirafan kepada pelukis untuk diguna pakai dalam karya mereka iaitu dari aspek:

- i. Kajian estetik bentuk visual ke atas sains dan teknologi,
- ii. Aplikasi sains dan teknologi untuk mencipta bentuk-bentuk visual
- iii. Penggunaan konsep-konsep sains dan teknologi

### **Selfie Sebagai Genre Baru Seni Kontemporari**

Tolstoy menyatakan keindahan bersifat subjektif melibatkan kesungguhan manusia yang datang dari keseronokan tertentu. Beliau juga menyatakan melalui seni, terut melibatkan proses komunikasi yang disampaikan melalui emosi dan perasaan [19]. Komunikasi visual adalah lebih kaya dengan maklumat daripada teks. Imej dapat menyampaikan emosi dan perasaan dengan lebih jelas berbanding mesej teks. Ia juga membolehkan penerima untuk melihat dan menghayati mesej dalam bentuk visual dengan nyata dan membuat penafsiran dengan lebih tepat.

Selfie sebagai seni boleh dikaitkan dengan karya-karya self-potret yang banyak dihasilkan pada abad ke-19 dan 20an. Secara teknikalnya perbezaan antara selfie dengan self-potret menurut tafsiran kamus English Oxford ialah selfie merupakan "gambar diri sendiri yang biasanya diambil dengan menggunakan telefon pintar atau webcam dan dimuat naik ke laman sosial, manakala self-potret ditakrifkan sebagai "potret seorang artis yang dihasilkan atau diwujudkan oleh artis itu sendiri".

Selfies mempunyai struktur autonomi mereka yang tersendiri dan merupakan ruang dan peluang yang sangat besar dalam bidang kesenian. Selfie menukar tingkah laku orang ramai dalam bentuk visual terhadap aspek interaksi sosial menerusi bahasa badan, kesedaran diri, humor dan privasi. Selfie boleh ditafsirkan sebagai genre baru seni fotografi [20]. 'Seni fotografi selfie' ternyata bukan rakaman gambar sebarangan. Perlu ada teknik-teknik khusus dalam mengeksposi kenangan, identiti dan keakuan bagi membolehkan ia layak disebut sebagai sebuah karya seni.

Jika dilihat dari sejarah aliran 'self-potret', lukisan sebagai medium utama untuk memaparkan wajah diri. Pelukis menggambarkan potret diri dengan melihat kesan balikkan pada cermin. Sebagai contoh, karya Vincent Van Gogh yang bertajuk "Self Portrait" (1889). Gambar 4. Self-potret secara beransur-ansur berubah selepas kedatangan globalisasi perindustrian dan saintifik moden. Potret fotografi pertama yang dianggap "selfie pertama" telah diambil pada tahun 1839 oleh ahli kimia amatur yang berasal dari Philadelphia yang bernama Robert Cornelius [21]. Gambar 5. Trend sebenar mengambil gambar diri sendiri bermula mungkin selepas kedatangan kamera kotak (Kodak Brownie) pada tahun 1898 ciptaan George

Eastman.



**Gambar 4**



**Gambar 5**



Masa telah mengubah aliran self-potret menjadi segar dengan bantuan teknologi dan kesan khususnya, menjadikan satu genre baru yang ternyata berbeza dengan lukisan potret rasmi golongan elit dalam lipatan sejarah seni. Ini boleh dilihat menerusi karya Olivia Muus. Beliau telah menghasilkan satu siri karya yang sinis dan berunsur gurauan melibatkan lukisan catan potret lama di muzium seni. Olivia memanipulasi catan self-potret lama dengan merakam semula foto bersama tangan yang memegang gajet. Beliau berjaya memberi penumpuan pada mata potret supaya ia kelihatan seolah-olah mereka sedang berselfie. Komposisi karya ini berjaya mengubah tanggapan dan menukar perwatakan mereka sepenuhnya. Karya beliau merupakan pentafsiran semula sejarah dan penyatuan seni yang sempurna dalam konteks seni kontemporari. Beliau mengkritik fenomena selfie yang menjadi jadi-jadi dewasa ini, seolah-olah gajet itu sekiranya wujud pada tiga dekat yang lalu pasti ia menjadi kegemaran siapa sahaja untuk berselfie. Gambar 6.



**Gambar 6** Olivia Muus  
'The Selfie series', 2014

Karya self-potret melalui seni catan kontemporari dilihat lebih dinamik dengan memasukkan elemen digital dan topik percakapan tentang teknologi masa kini. Jika dilihat pada karya oleh Steven Makse bertajuk 'Selfie' yang mempersoalkan kesahihan dan peranan 'selfie' dalam menjelaskan tentang identiti diri. Gambar 7. Karya ini membicarakan isu imajan selfie yang dimuat naik ke laman rangkaian sosial yang menggunakan pengenalan diri lain dari identiti sebenar seseorang atau pun ia tidak mempunyai status. Ini merupakan satu penyamaran yang dilakukan seseorang di atas tujuan tertentu. Pada catan ini dilukiskan grid asas sebagai merujuk 'QR-kod' atau 'bar kod' berdasarkan piksel digunakan dan digabungkan dengan potret diri untuk menjelaskan tentang akses (online) telefon pintar ke atas talian laman sosial.



**Gambar 7** Steven Makse  
'Selfie', 2013

Satu lagi karya merupakan projek seni sempena sukan musim sejuk di Socchi, Rusia. Karya ini adalah sebuah arca ukiran mekanikal gergasi yang membentuk imajan 3D wajah secara berselfie. Perakannya ialah Asif Khan merupakan seorang arkitek dari London. Beliau telah berkejasama dengan sebuah syarikat besar pengeluar telefon mudah alih; 'Megafon' untuk menghasilkan satu karya seni interaktif yang digelar 'Mega Faces'. Gambar 8. Skrin gergasi terdiri daripada lebih 10,000 penggerak yang membolehkan meniru mimik muka secara 3D. Untuk menghasilkan model 3D ini peserta harus mengambil gambar selfie dari 5 sudut yang berbeza untuk diimbis dan kemudian diproses untuk menjadi arca timbulan di papar pada skrin. Proses 'selfie-3D' ini mengambil masa selama satu minit untuk membentuk wajah. Arca 'Mega Faces' akan memaparkan hanya tiga wajah sahaja pada satu sama. Wajah yang dipaparkan akan sentiasa berubah-ubah sepanjang hari dan pada waktu malam pula ia akan bercahaya. Sebagai persediaan awal, para pelawat yang menjadi peseta akan diberitahu bilakah waktu potret mereka akan dipaparkan. Selain itu sebuah *web-cam* juga ditempatkan di lokasi supaya pengunjung juga boleh melihat wajah mereka secara online atau dimuat turun video

penampilan mereka dalam laman sosial. Konsep projek ini menekankan peranan utama tentang komunikasi, wajah dan emosi. Ia menekankan bahawa walaupun dalam era digital, orang masih cuba untuk meluahkan perasaan mereka melalui wajah selfie.



**Gambar 8** Asif Khan  
'MegaFaces – 3D selfies', 2014

Teknologi mobil juga sebagai satu alat yang secara drastik mengubah norma-norma budaya dan tingkah laku individu [22]. Masyarakat digital mempunyai obsesi terhadap alatan canggih dan mereka juga tidak boleh menjalani kehidupan tanpa ditemani telefon bimbit. Malah peranti mobil seperti telefon pintar dan tablet merupakan kebergantungan bagi masyarakat siber apabila sejumlah data penting dan peribadi tanpa ragu-ragu di simpan dalam gajet. Selfie menjadi salah satu bentuk hiburan mereka yang mana mungkin tidak akan bermakna jika imajan selfie tidak dimuat naik ke rangkaian sosial untuk dikongsi bersama rakan siber mereka.

### **Kajian Studio**

Untuk kajian studio, saya akan berpegang pada beberapa batasan kajian. Daripada menggunakan sampel sembarangan dalam imej media sosial, saya memberi tumpuan hanya pada satu jenis genre mengambil gambar selfie iaitu '*Occasional Poster*' dan perkongsian yang popular. Kajian ini membincangkan bagaimana saya mengumpul data selfie, kaedah penyelidikan, penyampaian karya melalui visualisasi, dan beberapa penemuan baru. Ia juga mengkaji seni kebiasaan mengenai mengambil gambar selfie dan meletakkannya ke dalam konteks yang lebih luas daripada sejarah foto seperti seni arca dan karya seni kontemporari.

### **Pengumpulan Data**

Peringkat awal dalam kajian studio ini adalah proses meninjau data untuk gambar selfie yang sedia ada di media sosial. Apabila disemak imbas di dalam Instagram, pada mulanya ia kelihatan seperti ia mengandungi sebahagian besar selfie. Pemeriksaan lebih dekat mendedahkan bahawa sebahagian besar imej selfie bukanlah mengambil gambar sendiri, tetapi adalah gambar yang diambil oleh orang-orang lain. Untuk kajian ini, saya mahu menggunakan beberapa imej gambar selfies individu yang sedang memegang gajet. Dan beberapa imej lagi gambar selfie yang dalam komposisi '*distortion*' atau herotan. Namun imej selfie yang sedia ada di Instagram tidak menepati dengan kehendak kajian. Jadi saya menggunakan model tiga orang sahabat karib sebagai subjek kajian untuk diuji. Gambar 9.



**Gambar 9** Model selfie-distortion

## Experimentasi

Experimen pertama, Saya mengambil kira kandungan foto yang dibezakan dalam komposisi yang menitik beratkan lain-lain aspek estetika dalam fotografi, populariti relatif pelbagai jenis gambar dan banyak dimensi lain yang memberikan perbezaan. Dalam kajian ini, saya menganggap gambar selfie yang *multi-view* sebagai elemen populariti. Gambar selfie diambil dari kedudukan kamera tinggi di depan. Ini merupakan salah satu elemen selfie yang akan menghasilkan imej gambar yang ‘distortion’ Imej selfie dibahagi kepada lapan bahagian dan dipotong secara melintang. Ini bagi memudahkan membuat pertukaran secara menyilang antara ketiga-tiga imej. Gambar dimanipulasi melalui teknik *kolaj* menerusi pendekatan ‘*remix*’ bagi membentuk struktur baru gambar. Konsep ‘*exchange image*’ diguna pakai untuk menjelaskan persoalan perkongsian dikalangan rakan-rakan selfie. Maka akan terhasil satu kesan imej figura yang ‘distort’ atau mengherot seperti yang dirancang.

Karya awal ini, (Gambar 10) saya cuba melihat dari sudut kesan tiga dimensi (3D) melalui penghasilan multi komposisi iaitu depan, belakang, atas, sisi kiri dan kanan. Ini bertujuan bagi



**Gambar 10** Karya awal selfie-distortion

menampakan satu bentukan baru objek selfie yang mengarah kepada kesan fizikal. Secara konsepnya, jika seseorang menangkap gambar sendiri untuk tatapan diri sahaja dan tidak disiarkan di mana-mana laman sosial, maka ia bukanlah diistilahkan sebagai selfie. Jadi selfie secara teknikalnya berada di ruang siber yang saya simbolkan kotak sebagai bentuk telefon. Ini juga bagi menjelaskan tentang hubungan manusia dengan alat teknologi yang mana manusia amat bergantung kepadanya.



## Karya Akhir

Febrikasi bentuk ke atas imej selfie adalah difikirkan perlu bagi mendapat kesan yang lebih fizikal. Pada tahap ini saya memikirkan penggunaan bahan yang lebih *heavy* bagi mengantikan foto yang sedia ada. Saya memilih bahan aluminium atau alloy sebagai bahan kajian untuk menampakkan kesan industrial dan ia merupakan salah satu bahan utama yang digunakan dalam pembuatan gajet selain plastik dan getah. Saya cuba mentaksirkan seni fotogrifi ke dalam bentuk ‘seni arca dinding’ untuk memberi kelainan mood dan impak ke atas karya ini. Imej figura di dalam karya ini digabung-gabungkan dan digayakan dengan agak unik dan agak sedikit tidak logik. Namun itulah hakikat selfie yang sebenarnya, jika dilihat dari sudut perbuatan. Imej figura juga dibahagikan kepada beberapa bahagian dan digabungkan secara silang-menyilang bagi menggambarkan perkongsian yang sering dilakukan di dalam dunia selfie. Imej foto telah dimanipulasi melalui berbagai peringkat abstraksi bagi mendapatkan kesan artistik. Teknik kolaj menggunakan aluminium foil dan akhirnya digilap dengan pewarna (hitam) bagi menguatkan lagi kesan texture yang membentuk imej karikatur.

Karya akhir ini diberi tajuk ‘#followers’, bertujuan mengkritik budaya ikut-ikutan ketika melakukan aktiviti berselfie. (Gambar 11). *Followers* di dalam karya ini, menggambarkan watak manusia yang cenderung untuk mengikut ragam atau aksi orang lain secara melulu. Faktor ini dilihat berlaku dalam budaya berselfie. Kadang-kadang aksi yang menjadi ikutan itu begitu keterlaluan atau di luar batasan akal manusia. Tujuan yang kedua ialah sebagai kritikan penggunaan kamera pada pelantar seni fotografi di era telefon pintar. Selalunya, gambar potret selfie dengan gaya yang pelbagai diambil sendiri dari jarak kamera yang dipegang di tangan. Gambar akan menampakkan kesan *distortion* seperti muka condong, kepala lebih besar, lengan terentang kerana ia memegang telefon dari tempat yang jauh atau bahu akan membengkok jika telefon itu di dekatkan. Ada juga yang merakam gambar selfie melalui cermin muka kerana lebih mudah untuk melakukan aksi dengan gaya yang diinginkan. Namun karektor selfie masih boleh dikesan.

Subjek yang saya gunakan masih lagi gambar selfie tiga orang rakan dari sudut pandangan mendonggak. Imej fugura tampak seakan *distortion*. Di bahagian latarnya pula letakkan imej bayangan (silhouutte) manusia sedang berselfie sambil memegang kamera. Imej latar ini bertujuan untuk menjelaskan lagi tentang aktiviti mengambil gambar dalam kegilaan berselfie sehingga membentuk satu fenomena selfie. Impak ke atas karya ini, memaparkan kesan ironi, taksud dan humor.

Pada pendapat saya, ‘selfies’ adalah sesuatu yang melucukan. Namun ia juga satu mesej yang sangat jelas dan unik. Sebagai contoh seseorang menghantar gambar lucu dengan makanan yang mereka sedang makan atau apa sahaja yang mereka lakukan pada masa itu, kita akan terus tahu apa yang mereka lakukan tanpa perlu menulis teks bagi menjelaskan tentang hal itu.



**Gambar 11** Aznan Omar  
‘#Followers’ 2014  
142cm x 86cm

## Kesimpulan

Budaya bandar menyebabkan masyarakat masa kini, begitu bergantung terhadap teknologi mobil dalam semua urusan seharian termasuklah untuk berhibur. Rangkaian sosial seperti *facebook*, *whatsApp* dan berbagai lagi menjadi amat popular sebagai trend masyarakat digital berkomunikasi dan bertukar-tukar maklumat seperti perkongsian gambar selfie dengan begitu mudah. Tambahan pula wujudnya aplikasi percuma seperti *instagram* dengan *hashtag* dan kelebihan *filter* untuk mengedit gambar menyebabkan kegilaan terhadap selfie meningkat. Penggemar selfie sentiasa aktif eksis pada internet menjadikan trend berselfie menular begitu pantas. Oleh kerana tidak mahu ketinggalan dari mengikuti arus semasa, mereka cenderung untuk meniru gaya berselfie yang dianggap '*stylish selfies*'. Selfie merupakan fenomena gaya hidup digital masa kini dengan trend berkomunikasi lebih merupakan kepada keseronokan jadi tidak hairanlah ada pengguna yang berselfie tidak kena pada tempatnya. Mereka berasa bebas untuk muncul dengan persona profile yang berbeza dan berharap untuk menjadi viral dan mendapat perhatian ramai tanpa memikirkan kesan dan keselamatan. Kelebihan eksis sebegini menimbulkan keseronokan dan menyebabkan budaya ini menjadi sangat popular sehingga terbentuknya fenomena selfie.

Kajian visual ini dapat memberi sedikit gambaran dan kefahaman tentang peranan selfie menerusi teknologi mobil mempengaruhi dan membentuk budaya komunikasi masa kini. Karya yang dihasilkan menampakkan ada perkembangan aktif dan dinamik terutama dari sudut pengutaraan imej dan makna sebagai satu bentuk dokumentasi seni yang terancang. Karya ini masih diperingkat eksperimentasi. Masih perlu ada ujikaji yang harus dijalankan terutama di dalam menjawab persoalan idea. Untuk kajian seterusnya, analisa akan ditingkatkan keatas subjek kajian dan isu yang menyentuh fenomena dunia selfie supaya mesej dapat disampaikan dari sudut yang lebih luar biasa.

## NOTA

- [1] Kraineva, O. (2014), *What The #Selfie Revolution Means for Brands*. Dimuat turun dari <http://www.fanscape.com/wp-content/uploads/2014/08/Selfie-Revolution1.pdf>
- [2] Shanken, E. A. (2009), *Contemporary Art and New Media: Toward a Hybrid Discourse*. Dimuat turun dari <http://artsci.unsw.wikispaces.net/file/view/Shanken+-+hybrid-discourses-overview-4.pdf/>
- [3] Oxford Dictionaries, Oxfordwords blog. Dimuat turun dari <http://blog.oxforddictionaries.com/2013/11/word-of-the-year-2013-winner/>
- [4] Marr, S. (2014). *Call a group selfie an 'usie', and you might find yourself standing alone*. *Metro News*. Retrieved from <http://metro.co.uk/2014/07/31/call-a-group-selfie-an-usie-and-you-might-find-yourself-standing-alone-4816529/>
- [5] Dier, A. (2014). *China Phone-Maker Files 'Groufie' Trademark Huawei uses term for panoramic pic with friends*. *The Newser*. Retrieved from <http://www.newser.com/story/186621/china-phone-maker-files-groufie-trademark.html>
- [6] New York Daily News (2014). *President Obama snubs 13-year-old's selfie request but then takes one with Malaysian leader*. Dimuat turun dari <http://www.nydailynews.com/news/politics/president-obama-snubs-13-year-old-selfie-request-takes-malaysian-leader-article-1.1770697>
- [7] New York Daily News (2013). Dimuat turun dari <http://www.nydailynews.com/news/politics/photographer-behind-obama-selfie-speak-article-1.1544281>
- [8] Fathiah Md. Hatta. (2014). *Fenomena Selfie Beri Faedah Atau Bawa Padah?*. Universiti Sains Islam Malaysia. Berita Harian/ Berita Minggu. Dimuat turun dari, <http://ddms.usim.edu.my/bitstream/handle/123456789/7064/21.4.2014%20-%20Nasional%20%2830%29.pdf?sequence=1>
- [9] Knobel, M. (2008). *Remix: The Art and Craft of Endless Hybridization*. Dimuat turun dari, [www.everydayliteracies.net/files/JAAL-52-1-Knobel.pdf](http://www.everydayliteracies.net/files/JAAL-52-1-Knobel.pdf)

- [10] Turkle, S. (2013). *The Documented Life*. The New York Time. Dimuat turun dari [http://www.nytimes.com/2013/12/16/opinion/the-documented-life.html?\\_r=0](http://www.nytimes.com/2013/12/16/opinion/the-documented-life.html?_r=0)
- [11] Tifentale, A., Manovich, L. (n.d.). *Selfiecity: Exploring Photography and Self-Fashioning in Social Media*. Dimuat turun dari [http://manovich.net/content/04-projects/080-selfiecity-exploring/selfiecity\\_chapter.pdf](http://manovich.net/content/04-projects/080-selfiecity-exploring/selfiecity_chapter.pdf)
- [12] Rutledge, P. (2013). *Obama's Selfies at Mandela Memorial*. Dimuat turun dari <http://www.pamelarutledge.com/2013/12?print=pdf-page> [01] Esanu O. (2012) What Was Contemporary art? Dimuat turun dari [http://www.mitpressjournals.org/doi/pdf/10.1162/ARTM\\_a\\_00003](http://www.mitpressjournals.org/doi/pdf/10.1162/ARTM_a_00003)
- [13] Baumeister, R. F. (1982). "A Self-Presentational View Of Social Phenomena." *Psychological Bulletin* 91.1 (1982): 3–26. PsycARTICLES. Web. 10 December 2013.
- [14] Tifentale, A., Manovich, L. (n.d.). *Selfiecity: Exploring Photography and Self-Fashioning in Social Media*. Dimuat turun dari [http://manovich.net/content/04-projects/080-selfiecity-exploring/selfiecity\\_chapter.pdf](http://manovich.net/content/04-projects/080-selfiecity-exploring/selfiecity_chapter.pdf)
- [15] Kraineva, O. (2014), *What The #Selfie Revolution Means for Brands*. Dimuat turun dari <http://www.fanscape.com/wp-content/uploads/2014/08/Selfie-Revolution1.pdf>
- [16] Esanu, O. (2012). *What Was Contemporary art?* Dimuat turun dari [http://www.mitpressjournals.org/doi/pdf/10.1162/ARTM\\_a\\_00003](http://www.mitpressjournals.org/doi/pdf/10.1162/ARTM_a_00003)
- [17] Shanken, E. A. (2009). *Contemporary Art and New Media: Toward a Hybrid Discourse*. Dimuat turun dari <http://artsci.unsw.wikispaces.net/file/view/Shanken+-+hybrid-discourses-overview-4.pdf/>
- [18] Ibid.
- [19] Wartenberg, T. E. (2007). *The Nature Of Art. An Anthology*, Second Edition, Wadsworth: Cengage Learning,
- [20] Tifentale, A. (2014). *The Selfie: Making sense of the "Masturbation of Self-Image" and the "Virtual Mini-Me"*. Dimuat turun dari [http://d25rsf93iwlmg.cloudfront.net/downloads/Tifentale\\_Alise\\_Selfiecity.pdf](http://d25rsf93iwlmg.cloudfront.net/downloads/Tifentale_Alise_Selfiecity.pdf)
- [21] The Public Domain Review. Dimuat turun dari <http://publicdomainreview.org/collections/robert-cornelius-self-portrait-the-first-ever-selfie-1839/>
- [22] Sarwar, M. & Soomro, T. R. (2013). Impact of Smartphone's on Society, *European Journal of Scientific Research*, Vol. 98, ms. 216-226